



Pihak Perikatan, nampaknya daripada apa yang tersiar, telah bersetuju memberi rupa bangsa dengan “Malaysia” iaitu sebagai yang dianjurkan oleh Dato’ Onn. Dahulu orang-orang UMNO mencebuh nama yang diberi oleh Dato’ Onn itu tetapi sekarang memakainya. Sudah tentu dengan itu Dato’ Onn tersenyum! Senyuman yang sudah tentu ada ertinya kerana beberapa rancangan Dato’ itu sudah banyak divedok mereka. Satu kemenangan Dato’! Dan bagaimana kata pegawai penerangan UMNO?

* * *

Sedikit hari dahulu hidup pula perkara-perkara “Buku Cabul” dan di sebuah akhbar tempatan perkara ini menjadi suatu berita besar dan menyiarkan pula tulisan-tulisan Bahasa Melayu daripada penuntut-penuntut Cina. Sekali imbas tujuannya bagus tetapi setelah diadakan mesyuarat baharulah nampak apa ada di sebalik layar yang membawa akhbar tempatan itu nampaknya bersungguh-sungguh di dalam perkara ini. Di sana, di dalam mesyuarat itu dianjurkan supaya dimajukan bantahan-bantahan dengan nama bersama kepada langkah-langkah polis menahan “sandiwaranya yang berkebudayaan” sekolah-sekolah Cina. Nampaknya, orang-orang kita hendak dijadikan alat, sedang di sebaliknya itu orang ramai mengerti apa yang dianjurkan oleh akhbar tempatan itu. Bacul! Siapa yang bacul?! Hai hai, hai hai, tau sama tau lah!

* * *

Akhbar Mingguan Pedoman, dikatakan, disuruh jangan dibaca, demikian diperintahkan; Akhbar Mingguan Kritik. Disuruh haramkan sedang A. Senu bin Abdul Rahman setiausaha UMNO menafikan adanya perintah-perintah itu serta menyatakan bahawa mereka membebaskan fikiran-fikiran lain. Kalau dilihat kepada keadaan yang telah lalu yang berlaku sudah tentu orang tersengih mendengar kenyataan A.Senu itu sebab orang masih ingat bagaimana Warta dan Qalam dibakar di Johor Baharu dahulu. Tetapi kalau difikirkan pula kenyataan A.Senu yang lain menyatakan supaya berdayah seperti Dr Gobel maka sudah terang berdusta jadi sunat. Kalau benar takrif ini baik-baiklah kita mendengar kata-kata mereka itu sebab sudah terang banyak dusta daripada benarnya. Benarkah begitu A.Senu?!

* * *

“British keluar dari Malaya! Hapuskan penjajahan!
Hapuskan kapitalis! “Begitulah ucapan-ucapan dari pendakwah-pendakwah

Perikatan dalam pilihan raya dahulu! Seseiapa tidak setuju dengan kalimah itu perkakas penjajahan! Tetapi sekarang A.Sa’dun bilang tenaga British kami jajah! Tengku bilang kita mesti pinjam wang kepada British sebanyak dua ribu million ringgit! Dan sekarang kita berikat dengan perikatan yang ahli-ahlinya orang-orang kapitalis! Bencikan kapitalis tetapi berkongsi dengan kapitalis – kata Dato’ Onn. Benar Dato’! Lidah tak bertulang sebab itu mudah berbohong! Bohong sunat untuk menipu orang sampai percaya kepada cakapnya dan apabila hajat sampai semuanya terbiar begitu sahaja _ demikian itu dikatakan mungkir janji! Siapa mungkir janji semuanya orang tahu sekarang!

* * *

Ada orang-orang bisik-bisikkan jangan main kritik-kritik sama UMNO nanti kena bakar atau kena boikot lagi! Adakah senjata bakar dan boikot itu sudah mampan? _ Tanya seorang teman lagi. Sekarang semuanya hampir-hampir sudah kritik pedas-pedas sama UMNO _ bagus benar kalau Tengku bergerak sekarang mengadakan “keranda” _ membuat istiadat pembakaran seperti Cina membuat rumah-rumah untuk dibakar! Buat keranda untuk pedoman, untuk kritik, dan buat keranda fesyen lain untuk *Singapore Standard*, dan harus pula akhbar Melayu tempatan yang nampaknya sudah mula bertukar haluan! Kalau betul ada jasanya silakan semula istiadat itu sampai orang ramai tahu ke mana mereka berada sekarang! Keadaan telah menunjukkan di mana coraknya Bung!

* * *

Bangsa-bangsa lain, selain Melayu, sekarang sedang mengetatkan lagi tuntutan hak-hak siasah mereka di negeri ini. Dahulu orang-orang Cina menuntut jus soli tetapi sekarang orang-orang Tamil menuntut pula dengan suatu cara meminta dibawa ke mahkamah bangsa-bangsa. Kerakyatan, hak-hak keutamaan dan lain-lain lagi yang ada pada orang-orang Melayu diminta dan dituntut – disuarakan di hadapan Suruhanjaya Reid yang berada di Malaya sekarang! Sebaliknya kerana tuntutan-tuntutan yang pedas dan keras itu Tengku menasihatkan orang-orang Melayu supaya tenang, sabar dan seumpunya. Ia seolah-olah meminta cara itu sentiasa dijalankan seperti dahulu sehingga hak Melayu sudah punah ranah disebabkan “ketenangan” ? Apakah nasihat Tengku itu mesti diikuti? Orang-orang Melayu sendiri ada mempunyai fikiran yang bebas! Kalau bertenang habis maka apakah ertinya ketenangan itu?

* * *

A. Hamid Jumat menyatakan bahawa ia berharap Malaya merdeka nanti akan menjadi sebuah kerajaan Islam! Bagus Bung! Tetapi bagaimana boleh jadi kerajaan Islam kalau pemimpin-pemimpin yang ada sekarang banyak melanggar pengajaran-pengajaran Islam?